Pelaksanaan DLP boleh diurus di peringkat JPN - Fadhlina

Oleh Samadi Ahmad - Disember 6, 2023 @ 4:55pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek ketika sidang media selepas berucap program Bicara Profesional Kurikulum Persekolahan 2027 di Putrajaya hari ini. - Foto NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

PUTRAJAYA: Pelaksanaan Program Dwibahasa (DLP) membabitkan murid Tahun Satu di sekolah rendah boleh diuruskan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) masing-masing.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, berkata pelaksanaan DLP itu juga akan diuruskan secara berasingan mengikut kes.

"Pihak kementerian akan melihatnya berdasarkan isu (sekolah) dan halangan di mana ia akan diselesaikan di peringkat garis panduan.

"Sebagai contoh, akan diambil kira di peringkat JPN dan sekolah," katanya pada sidang media pada Program Bicara Profesional Kurikulum Persekolahan 2027, di sini hari ini.

Semalam media melaporkan, Kementerian Pendidikan (KPM) membenarkan pelaksanaan sepenuhnya DLP di lima sekolah di Kuala Lumpur iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Convent Bukit Nanas (1), SK Bukit Damansara, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Vivekananda, SJKT Segambut dan SJKT Ladang Edinburgh.

Akhbar The New Straits Times mendapat maklumat itu menerusi dokumen dikeluarkan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan kepada Pejabat Pendidikan Daerah dan guru besar sekolah berkaitan kelulusan untuk melaksanakan DLP sepenuhnya.

Surat bertarikh 1 Disember itu ditandatangani Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, Roslan Abu Hassan.